

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan syarikat yang telah diambil tindakan oleh sebab kegagalan mereka untuk memfailkan *company annual return* dengan SSM dan apa tindakan yang telah diambil terhadap Hock Hiang Funeral Corporation Sdn. Bhd yang tidak menyerahkan *annual return* sejak 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Serah simpan Penyata Tahunan pada setiap tahun merupakan kewajipan syarikat yang telah dinyatakan di bawah Subseksyen 165(4) dan Subseksyen 165(5) Akta Syarikat 1965.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sentiasa memantau status pematuhan serah simpan Penyata Tahunan oleh syarikat bagi memastikan maklumat-maklumat utama berkaitan sesebuah syarikat dikemaskini untuk dijadikan sumber rujukan pihak-pihak yang berkepentingan.

Dari tahun 2015 hingga 30 Mac 2016, sebanyak 109,904 notis kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang gagal menyerah simpan Penyata Tahunan. Manakala, sebanyak 12,191 kes telah didaftarkan di mahkamah bagi kesalahan yang sama.

Berhubung kegagalan syarikat Hock Hiang Funeral Corporation Sdn Bhd (692148-T) menyerah simpan Penyata Tahunan sejak tahun 2011, tindakan pendakwaan akan diteruskan dan sedang dalam proses pendaftaran kes di mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 165(4) AS 1965. Tindakan pendakwaan diambil disebabkan syarikat tersebut masih gagal mematuhi peruntukan AS 1965 walaupun kompaun yang telah ditawarkan sebelum ini bagi kesalahan yang dinyatakan di atas, telah dijelaskan oleh syarikat.